

# → HALAMAN KOTA

## MASALAH RUMAH PANGSA PANDAN PERDANA

### Reaksi



"Saya sudah tua, tak larat naik turun tangga ke rumah di tingkat lapan yang dihuni sejak 20 tahun lalu. Hampir setiap hari lif rosak, sampai bila saya harus menderita?"

**Dhasama Sarayan,**  
Peghuni



"Memang kerap penduduk terperangkap dalam lif kerana kemudahan itu sudah uzur, kerap rosak kerana tidak diselenggara"

**Salasih Abdul Rahim,**  
Peghuni



"Sejak 20 tahun duduk di sini, tangki air tak pernah dibersihkan, kami mandi dan minum air berbau dan kotor. Malu dengan orang lain kerana bangunan rumah kami juga comot dan berlumut, seperti tidak bertuan"

**Yee Lim Yau,**  
Peghuni



FOTO HALIM SALLEH/BH

**Kok Wee** (lima dari kanan) dan Setiausaha Parti Gerakan Bahagian Pandan, Ben Liew Pok Boon (empat kanan) bersama penduduk ketika tinjauan permasalahan kerosakan lif, warna dinding cat yang luntur dan kebersihan sekitar Rumah Pangsa Kos Rendah, Pandan Perdana.

## Tinggal di flet macam setinggan

→ Kemudahan rosak jejas 3,000 penghuni

Oleh Mohd Farkhan Abdul Ghapar  
bhnews@bh.com.my

### Ampang

Tinggal di rumah pangsa, tetapi macam penempatan setinggan.

Itu antara luahan penghuni Rumah Pangsa LC 700, Pandan Perdana di sini, berhubung keadaan rumah mereka yang uzur dan tidak dibaik pulih.

Hampir setiap hari sejak beberapa tahun lalu, kira-kira 3,000 penghuni kediaman kos rendah itu terpaksa berdepan masalah kerosakan lif.

Lebih parah, kemudahan lif di satu daripada empat blok kediaman di situ sudah tidak berfungsi sejak lebih lima tahun kerana sistem pendawaian dicuri.

Tinjauan *Halaman Kota BH* mendapati semua kemudahan lif di situ sudah uzur selain keadaan bangunan pudar dan comot.

### Penduduk disenarai hitam

Penduduk mendakwa pelbagai aduan dan permohonan baik pulih sudah dihantar kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Pengerusi persatuan penduduk, Ahmad Ramli, berkata akibat jumlah hutang persatuan yang tinggi, mereka disenarai hitam daripada menerima bantuan pihak

berkuasa tempatan (PBT) itu.

"Pengurusan persatuan dahulu banyak berhutang. Akibat tunggakan yang tinggi, persatuan kami disenarai hitam oleh MPAJ dan segala permohonan baik pulih yang dihantar, ditolak.

"Walaupun persatuan ada dana sendiri, ia masih tidak mampu untuk menanggung kos baik pulih kerana dana itu digunakan untuk membayar hutang," katanya kepada *BH*.

Ahmad berkata, persatuannya terpaksa mencari dana daripada luar selain menghantar rayuan kepada MPAJ.

Masalah lif di kawasan perumahan berkenaan juga menyaksikan banyak kes penghuni terperangkap di dalam kemudahan berkenaan.

### MPAJ kena timbang rasa

Lebih menyedihkan, kebanyakan penghuni di situ terdiri daripada

warga tua dan kanak-kanak yang tiada pilihan kecuali naik turun menggunakan tangga jika lif rosak.

Penduduk juga mendakwa tangki air di setiap blok kediaman di situ juga tidak pernah dibersihkan, menyebabkan bekalan air berbau hanyir selain agak keruh dan kotor.

Sehubungan itu, mereka berharap MPAJ dapat membantu mengecat semula bangunan rumah pangsa berkenaan yang sudah comot dan pudar.

Sementara itu, Ketua MCA Pandan, Datuk Leong Kok Wee, yang melawat perumahan berkenaan, menggesa MPAJ bertimbang rasa dan tidak mengabaikan penduduk rumah pangsa terbabit.

"Kita berharap MPAJ membantu penduduk di sini. Sebagai PBT, tidak sepatutnya mereka mengabaikan masyarakat. MPAJ perlu buat sesuatu untuk menyelesaikan masalah penduduk di sini," katanya.

### Fakta nombor

**700** UNIT  
Pangsa LC 700,  
Pandan Perdana

**10** TINGKAT  
di setiap 4 blok  
kediaman